

**SULIT**

---



Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2021/2022

Februari/Mac 2022

**HSM418 - Seminar Sejarah Politik Malaysia**

Masa : 24 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan daripada Bahagian A dan **DUA (2)** soalan daripada Bahagian B. Jika calon menjawab lebih daripada **EMPAT (4)** soalan hanya **EMPAT (4)** soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

...2/-

**SULIT**

- 2 -

Bahagian A

1. **Bandingkan** sikap dan tindakbalas orang Melayu terhadap campur tangan dan penjajahan British pada kurun ke-19 dengan awal kurun ke-20.

[100 markah]

2. **Kenal pasti** perkaitan sebenar antara faktor-faktor sosial dan ekonomi dengan perkembangan politik Malaysia antara tahun 1900-1941.

[100 markah]

3. **Kembangkan** satu analisis tentang kesan-kesan utama pendudukan Jepun (1942-1945) terhadap kesedaran politik dan jurang perkauman yang mempengaruhi perkembangan politik masyarakat di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua.

[100 markah]

4. "Malayan Union merupakan satu dasar British yang gagal disebabkan oleh tentangan hebat yang diberikan oleh kepimpinan Melayu dalam UMNO." **Kenal pasti** kebenaran pernyataan tersebut.

[100 markah]

Bahagian B

5. **Telitikan** kebenaran pandangan sesetengah ahli sejarah bahawa Darurat 1948 telah diisyiharkan oleh pihak British semata-mata sebagai tindak balas terhadap pemberontakan bersenjata PKM.

[100 markah]

6. **Analisiskan** bagaimana pengaruh dan peranan yang dimainkan oleh kelompok tengah (aliran agama) mampu mewujudkan suatu kesedaran politik, menggerakkan sokongan Melayu dan mencabar penjajahan British di Tanah Melayu.

[100 markah]

...3/-

- 3 -

7. "Penyatuan dan pemisahan Singapura dari Malaysia adalah wajar dikaitkan dengan peranan utama yang telah dimainkan oleh Tunku Abdul Rahman." Simpulkan kebenaran pernyataan tersebut.

[100 markah]

8. **Bandingkan** sekurang-kurangnya DUA pandangan utama yang dikemukakan oleh para pengkaji tentang faktor-faktor utama yang mencetuskan Peristiwa 13 Mei 1969.

[100 markah]

- oooOooo -